

GARISPANDUAN bagi Transport Operators Keluar dan Masuk Negara Brunei Darussalam Semasa Situasi COVID-19

1. Transport Operators, termasuk juga pekerja yang bertugas, adalah syarikat-syarikat perniagaan dan pengangkutan yang **bertanggungjawab dalam mengangkut dan menghantar barangan kepunyaan syarikat-syarikat** yang berdaftar, **menggunakan kenderaan komersil berdaftar** yang bersesuaian.
2. Transport Operators yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam, Sabah dan Sarawak hendaklah mematuhi garispanduan-garispanduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dan pihak-pihak berkuasa termasuk juga yang digariskan dalam dokumen ini. Mana-mana syarikat yang didapati melanggar garispanduan ini, maka ianya adalah menjadi satu kesalahan di bawah **Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204** dan syarikat berkenaan boleh dikenakan denda. Syarikat berkenaan juga akan diarahkan untuk menjalankan Perintah Isolation, yang mana kos-kos ujian swabbing serta Isolation akan ditanggung sepenuhnya oleh syarikat tersebut.
3. Transport Operators yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam hendaklah memohon untuk mendapatkan kebenaran keluar negeri terlebih dahulu daripada Jabatan Perdana Menteri sebelum membuat perjalanan. Permohonan keluar negeri perlu dihadapkan **sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum tarikh keluar negeri**. Setiap kebenaran keluar negeri bagi tujuan Transport Operators mengangkut dan menghantar barangan merentas sempadan mempunyai **sahlaku bagi tempoh 14 hari**.
4. Transport Operators yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam hendaklah menjalankan ujian swab POCT COVID-19 sebagai syarat kelayakan bagi memohon kebenaran keluar negeri, dan menjalankan ujian swab PCR COVID-19 setiap kali memohon pembaharuan kebenaran keluar negeri daripada Jabatan Perdana Menteri. Kos bagi setiap ujian swab COVID-19 sejumlah **BND 50 akan ditanggung oleh Transport Operators**.
5. Transport Operators yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam, Sabah dan Sarawak perlu menghadapkan Job Order Sheet yang telah dilengkapi bagi setiap perjalanan di pos-pos kawalan yang berkenaan.
6. Transport Operators hanya dibenarkan untuk mengangkut barangan terus dari / ke tempat penghantaran yang ditentukan (*point-to-point*) seperti yang disenaraikan dalam *Job Order Sheet* tanpa transit atau berhenti.

7. Transport Operators adalah dibenarkan untuk mengambil / menghantar barang di Kawasan Pos Kawalan (bagi tujuan *Checkpoint Exchange*) atau membuat pengambilan / penghantaran menggunakan kemudahan *Inland Container Depot* (ICD) yang diluluskan.
8. Sebagai langkah berjaga-jaga, syarikat-syarikat adalah dikehendaki menjalani proses pemeriksaan suhu masuk secara sistematik di pos kawalan yang berkaitan. Mana-mana individu yang menunjukkan simptom dan / atau pendedahan kepada COVID-19 akan ditegah daripada masuk ke Negara Brunei Darussalam.
9. Transport Operators adalah dikehendaki untuk mengemas kini status kesihatan mereka setiap hari selama 14 hari di aplikasi healthinfo.gov.bn. Syarikat-syarikat akan dikenakan hukuman sekiranya gagal mengemaskinikan status kesihatan seperti yang dipersyaratkan.
10. Pengimportan, transit dan eksport semua barang, harus mematuhi undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh pihak Kerajaan.

SYARAT-SYARAT BAGI SYARIKAT PERNIAGAAN DAN PENGANGKUTAN YANG BERDAFTAR DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Keluar dan Masuk Melalui Pos-Pos Kawalan

11. Transport Operators hendaklah memohon kebenaran keluar negeri terlebih dahulu daripada Jabatan Perdana Menteri sebelum membuat perjalanan. Permohonan keluar negeri perlu dihadapakan sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum tarikh keluar negeri.
12. Transport Operators perlu menghadapkan Job Order Sheet yang telah dilengkapkan bagi setiap perjalanan di pos-pos kawalan yang berkenaan.
13. Kenderaan dan pemandunya mesti didaftarkan dengan Sistem Keluar / Masuk Kenderaan (VES) Negara Brunei Darussalam dan membuat pembayaran EES semasa keluar dan masuk melalui pos-pos kawalan.

Pengambilan dan Penghantaran Barang

14. Transport Operators hanya dibenarkan untuk mengangkut barangan terus dari / ke tempat penghantaran yang ditentukan (*Point-to-Point*) di Sabah atau Sarawak seperti yang disenaraikan dalam *Job Order Sheet* tanpa transit atau berhenti.
15. Sebaik-baiknya, syarikat-syarikat adalah dinasihati untuk mengambil / menghantar barang di Kawasan Pos Kawalan (bagi tujuan **Checkpoint Exchange**) atau membuat pengambilan / penghantaran **menggunakan kemudahan Inland Container Depot (ICD)** yang diluluskan.
16. Syarikat-syarikat adalah diberikan had masa bagi setiap perjalanan seperti berikut:

Pos Kawalan	Had Masa
Sungai Tujoh	Tidak melebihi 5 jam
Labu	Tidak melebihi 5 jam
Ujung Jalan	Tidak melebihi 3 jam
Kuala Lurah	Tidak melebihi 3 jam

17. Transport Operators perlu mematuhi had masa yang ditetapkan dan **kembali ke Negara Brunei Darussalam pada hari yang sama** (*Return Same Day*).
18. Transport Operators adalah dikehendaki untuk mengemas kini status kesihatan mereka setiap hari selama 14 hari di aplikasi healthinfo.gov.bn. Syarikat-syarikat akan dikenakan hukuman sekiranya gagal mengemaskinikan status kesihatan seperti yang dipersyaratkan.

SYARAT-SYARAT BAGI SYARIKAT PERNIAGAAN DAN PENGANGKUTAN YANG BERDAFTAR DI MALAYSIA

Keluar dan Masuk Melalui Pos-Pos Kawalan

19. Transport Operators yang berhasrat untuk masuk ke Negara Brunei Darussalam bagi tujuan penghantaran barangan dan transit **tidak memerlukan kebenaran daripada Jabatan Perdana Menteri.**
20. Transport Operators perlu menghadapkan Job Order Sheet yang telah dilengkapi bagi setiap perjalanan di pos-pos kawalan yang berkenaan.
21. Kenderaan dan pemandunya mesti didaftarkan dengan Sistem Keluar / Masuk Kenderaan (VES) Negara Brunei Darussalam dan membuat pembayaran EES semasa keluar dan masuk melalui pos-pos kawalan.
22. Syarikat-syarikat dikehendaki untuk memaparkan permit merentas sempadan bagi kenderaan yang digunakan dan memastikan kenderaan adalah dalam keadaan yang selamat untuk digunakan.

Pengambilan dan Penghantaran Barang

23. Bagi Transport Operators yang berdaftar di Negara Malaysia yang telah **mendapat permit untuk membawa masuk barangan keperluan 'perishable' daripada agensi-agensi Kerajaan Negara Brunei Darussalam hendaklah diiring oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan** sepanjang perjalanan dari pos kawalan ke tempat penghantaran di Negara Brunei Darussalam, dan juga sepanjang perjalanan pulang ke pos-pos kawalan yang berkenaan.
24. Manakala Transport Operators yang berdaftar di Negara Malaysia yang **membawa komoditi yang tidak memerlukan permit daripada agensi-agensi kerajaan ataupun yang bukan berbentuk 'perishable' hanya dibenarkan membuat penghantaran atau pengambilan barang di tempat-tempat pemunggahan di kawasan Inland Container Depot (ICD) yang diluluskan** berdekatan dengan Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujuh Kuala Belait dan Pos Kawalan Imigresen Kuala Lurah.

25. Syarikat-syarikat adalah diberikan had masa bagi setiap perjalanan seperti berikut:

Pos Kawalan	Had Masa
Sungai Tujoh	Tidak melebihi 5 jam
Labu	Tidak melebihi 5 jam
Ujung Jalan	Tidak melebihi 3 jam
Kuala Lurah	Tidak melebihi 3 jam

26. Transport Operators perlu mematuhi had masa yang ditetapkan dan **kembali ke Malaysia pada hari yang sama** (*Return Same Day*).

Transit Melalui Negara Brunei Darussalam

27. Transport Operators yang membuat perjalanan transit melalui Negara Brunei Darussalam adalah diberikan had masa bagi setiap perjalanan dari pos-pos kawalan seperti berikut:

Pos-Pos Kawalan bagi Perjalanan Transit	Had Masa
Sungai Tujoh ke Kuala Lurah (dan sebaliknya)	Tidak melebihi 3 jam
Sungai Tujoh ke Terminal Feri Serasa (dan sebaliknya)	Tidak melebihi 5 jam
Ujung Jalan ke Labu (dan sebaliknya)	Tidak melebihi 1 jam

28. Transport Operators **ditegah daripada berhenti atau membuat sebarang persinggahan dalam perjalanan transit melalui Negara Brunei Darussalam.**